e-Book Pendidikan Kewangan



Soal. Sekat. Sebar.

Dikemaskini pada September 2026

Kandungan

Penipuan Kewangan Terkini	3
Bidang Kuasa Agensi Penguatkuasa	13
Elak Jadi Mangsa	15
Lapor Segera	18



Penipuan Kewangan Terkini



Jangan Terlibat

Pelaburan Tidak Wujud

Jangan terpengaruh dengan **skim pelaburan** yang menjanjikan **pulangan tidak masuk akal**



Taktik-taktik:

- Tawaran masa terhad
- Manipulasi menggunakan agama
- Menyalahgunakan nama dan logo badan penguatkuasa
- Tidak akan rugi
- Skim pelaburan yang indah khabar dari rupa
- Pulangan tidak masuk akal
- Pemindahan wang ke dalam akaun tidak berkenaan





AMARAN SCAM
Soal. Sekat. Sebar.

1. **Semak dahulu sebelum melabur**
2. **Jangan mudah percaya dengan tawaran yang terlalu menarik**

Saluran rujukan:

Senarai Amaran Pelabur
https://www.sc.com.my/investor-alert-list

Senarai Amaran Pengguna Kewangan
https://www.bnm.gov.my/financial-consumer-alert-list

Amaran Penipuan Kewangan
https://www.bnm.gov.my/financial-fraud-alerts

SemakMule
https://semakmule.rmp.gov.my/

Jangan Terlibat

Urusniaga Matawang Asing (Forex) Secara Haram

Pastikan segala **urusniaga matawang asing** adalah dengan **institusi kewangan yang dilesenkan** oleh Bank Negara Malaysia



Taktik-taktik:

- Beri latihan *forex trading* percuma
- Pulangan tak masuk akal dalam masa yang singkat
- Menyalahgunakan nama dan logo badan penguatkuasa
- Platform palsu bagi meyakinkan pelaburan itu wujud
- Pelaburan kononnya diiktiraf oleh penguatkuasa dalam atau luar negara
- Pemindahan wang ke dalam akaun tidak berkenaan





Urus niaga matawang asing (forex), kecuali yang dijalankan melalui institusi kewangan yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia, adalah salah di sisi undang-undang

AMARAN SCAM
Sekat. Sekat. Sebar.

1. **Semak dahulu sebelum melabur**
2. **Jangan mudah percaya dengan tawaran yang terlalu menarik**
3. **Rujuk institusi kewangan yang berlesen sebelum melabur**

Saluran rujukan:

Senarai Amaran Pengguna Kewangan
https://www.bnm.gov.my/financial-consumer-alert-list

Amaran Penipuan Kewangan
https://www.bnm.gov.my/financial-fraud-alerts

Senarai Amaran Pelabur
https://www.sc.com.my/investor-alert-list

SemakMule
https://semakmule.rmp.gov.my/

Jangan Terlibat

Sewakan akaun dan kad bank

Akaun keldai bermaksud akaun bank anda **disalahgunakan oleh orang lain** untuk kegiatan yang **menyalahi undang-undang**



Taktik-taktik:



Dijanjikan **bayaran sewa/komisyen lumayan** untuk akses kepada akaun anda

Tawaran **kerja mudah** dan **berupah tinggi** dengan syarat penyerahan akaun



Diarahkan untuk **memindahkan wang ke akaun lain** untuk mendapatkan komisyen

JIKA DIDAPATI BERSALAH

Hukuman maksimum **7 tahun penjara** dan denda **RM100,000** atau kedua-keduanya

AKIBAT SEWAKAN AKAUN BANK

- Disenaraihitam dalam SemakMule sebagai Akaun Keldai
- Dilarang membuka atau mempunyai akaun bank
- Sukar dapat kerja
- Sukar jalankan perniagaan
- Sukar terima bantuan kewangan

AMARAN SCAM
Soal. Sekat. Sebar.

1. Jangan serahkan akaun bank anda atau kad ATM kepada pihak ketiga
2. Sentiasa pantau transaksi akaun bank anda
3. Semak nombor akaun penerima di laman web Semak Mule di https://semakmule.rmp.gov.my/
4. Jika anda menjadi mangsa, hubungi pihak bank dengan segera

Jangan Muat Turun

Fail aplikasi .apk dan "malware"

Memuat turun perisian atau aplikasi berbahaya daripada sumber **tidak rasmi** membolehkan "malware" (perisian hasad) mengakses telefon bimbin anda



Taktik-taktik:



1. Menyamar sebagai kenalan atau melalui iklan
2. Diberikan pautan fail .APK
3. Dikehendaki untuk **memuat turun aplikasi** pada telefon bimbit
4. Aplikasi akan **meminta kebenaran akses** kepada telefon bimbit
5. Telefon bimbit digodam

AKIBAT MEMUAT TURUN APLIKASI TIDAK SAH

1. **Telefon bimbit anda digodam**
2. **Telefon bimbit anda diintip**
3. **Penipu tahu lokasi anda**
4. **Data peribadi boleh dicuri**

AMARAN SCAM
Soal. Sekat. Sebar.

1. **Muat turun aplikasi daripada platform rasmi sahaja**
   *Contoh: Google Play, Apple App Store, Huawei AppGallery
2. **Pastikan laman sesawang perbankan adalah rasmi**
3. **Jangan klik pautan tidak sah yang dikongsikan oleh mana-mana pihak ketiga**



Jangan Terpedaya

Penipuan Pekerjaan

Tawaran pekerjaan yang menjanjikan **gaji lumayan** tetapi sebenarnya indah khabar dari rupa



Taktik-taktik:

Upah tinggi

Tawaran melalui media sosial atau aplikasi mesej





Menyamar wakil sumber manusia atau ejen pekerjaan

Tiada temuduga

Tugasan mudah

Contoh penipu yang menyamar sebagai ejen pekerjaan sebuah syarikat yang menawarkan gaji lumayan untuk kerja yang mudah

1. **Mangsa ditawarkan pekerjaan**
2. **Mangsa diminta membuat bayaran deposit**
3. **Mangsa diminta berkongsi data perbankan peribadi bagi tujuan pengesahan pekerjaan**
4. **Akaun perbankan mangsa digunakan untuk aktiviti yang tidak sah**
5. **Akaun Keldai**

AMARAN SCAM
Soal. Sekat. Sebar.

1. **Jangan serahkan akaun bank anda**
2. **Jangan pindahkan wang apabila diminta untuk membayar deposit, urusan pelepasan pasport dan sebagainya**
3. **Jangan mudah percaya dengan tawaran yang terlalu menarik**



Jangan Terlibat

Pinjaman Tidak Wujud

Sindiket yang **menawarkan pinjaman palsu** kepada mangsa dengan **menyalahgunakan identiti dan kredibiliti** institusi pemberi pinjaman atau agensi penguatkuasa



Taktik-taktik:

- Tawaran melalui media sosial atau aplikasi mesej
- "Kelulusan dijamin dalam masa 24 jam", "Blacklist layak"
- Menyamar sebagai pemberi pinjaman wang yang sah dan akan memberi kad nama dengan jawatan
- Hanya berurusan melalui telefon atau aplikasi mesej
- Perlu bayar "fi cukai", "fi insurans" atau serahkan kad ATM



Contoh penipu menawarkan pinjaman palsu dengan menjanjikan pinjaman pasti lulus dan segera untuk memperdayakan mangsa

1. Mangsa ditawarkan pinjaman
2. Mangsa percaya
3. Mangsa diminta membuat pembayaran
4. Pemindahan wang ke dalam akaun tidak berkenaan
5. Mangsa menjadi Keldai Akaun

AMARAN SCAM
Soal. Sekat. Sebar.

1. **Hanya memohon pinjaman daripada institusi kewangan atau atau syarikat pemberi pinjaman yang dilesen**
2. **Pastikan laman sesawang perbankan adalah rasmi**
3. **Jangan klik pada pautan yang dikongsikan oleh mana-mana pihak ketiga**

Senarai Institusi kewangan yang dilesenkan Bank Negara Malaysia:
https://www.bnm.gov.my/regulations/fsp-directory

Semak lesen Syarikat Kredit Komuniti melalui i-KreditKom

Boleh dimuat turun melalui platform rasmi seperti Google Play, Apple App Store, Huawei AppGallery

Jangan percaya

Ejen penyelesaian hutang "mudah"

Syarikat atau individu menyamar sebagai **"orang tengah"** kononnya **membantu menyelesaikan hutang** dengan **mudah dan cepat**



Taktik-taktik:

- Tawaran pinjaman melalui media sosial atau aplikasi
- Membantu mendapatkan pinjaman peribadi baharu untuk membayar balik pinjaman pendahuluan, termasuk yuran perkhidmatan
- Desakan dan tekanan
- Menggunakan selebriti dan pempengaruh untuk tujuan promosi dan memperoleh keyakinan
- Tanpa dokumen lengkap dan kelayakan kewangan





- Tawaran pinjaman pendahuluan untuk selesaikan hutang sedia ada dan membersihkan rekod CCRIS
- Peluang pelaburan berisiko rendah dan pulangan yang tinggi

AMARAN SCAM
Soal. Sekat. Sebar.

1. Rujuk institusi perbankan terlibat untuk mendapatkan pelan pembayaran balik pinjaman yang sesuai

Saluran rujukan:

Senarai Institusi Perbankan
https://www.bnm.gov.my/regulations/fsp-directory

2. Dapatkan nasihat khidmat kaunseling kewangan dan pengurusan hutang percuma melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

3. Semak dahulu sebelum melabur

Saluran rujukan:

Senarai Amaran Pelabur
https://www.sc.com.my/investor-alert-list

Senarai Amaran Pengguna Kewangan
https://www.bnm.gov.my/financial-consumer-alert-list

Amaran Penipuan Kewangan
https://www.bnm.gov.my/financial-fraud-alerts

SemakMule
https://semakmule.rmp.gov.my/



Kuiz

Anda telah mengenali taktik penipuan?

Sahut cabaran ini!

AMARAN SCAM
Soal. Sekat. Sebar.

Bidang Kuasa Agensi Penguatkuasa



Hati-hati! Anda mungkin mangsa seterusnya!



Sekiranya ragu, rujuk agensi penguatkuasaan berikut...

Kegiatan penipuan adalah di bawah bidang kuasa agensi-agensi berkenaan dan tertakluk kepada bentuk-bentuk penipuan yang dijalankan

Entiti	Bidang Kuasa	Saluran rujukan
BANK NEGARA MALAYSIA CENTRAL BANK OF MALAYSIA	• Pengambilan deposit • Urusan niaga mata wang asing (FOREX)	**Laman web rasmi:** https://www.bnm.gov.my **Senarai Amaran Pengguna Kewangan** https://www.bnm.gov.my/financial-consumer-alert-list **Amaran Penipuan Kewangan** https://www.bnm.gov.my/financial-fraud-alerts
Suruhanjaya Sekuriti Securities Commission Malaysia	• Tawaran saham/derivatif • Unit amanah • Dagangan aset digital	**Laman web rasmi:** https://www.sc.com.my **Senarai Amaran Pelabur:** https://www.sc.com.my/investor-alert-list
SSM SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA (Agensi di bawah KPDNKK)	• Skim berkepentingan • Pendaftaran syarikat/ perniagaan • Skim kutu	**Laman web rasmi:** https://www.ssm.com.my/Pages/Home.aspx
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP	• Gores/imbas dan menang • e-Dagang • Skim piramid	**Laman web rasmi:** https://www.kpdn.gov.my/en/
POLIS DIRAJA MALAYSIA	• Siasatan jenayah penipuan	**SemakMule:** https://semakmule.rmp.gov.my/
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	• Syarikat Kredit Komuniti	**Laman web rasmi:** https://www.kpkt.gov.my

Elak Jadi Mangsa



Cara Melindungi Diri

Sila ikuti beberapa cara melindungi diri seperti berikut...



Pastikan...

- Semak sebelum melabur
- Tukar kata laluan perbankan secara berkala
- Hapus aplikasi yang mencurigakan dan muat turun anti-virus
- Hanya berurusan dengan institusi berlesen
- Lapor kepada bank anda dan buat laporan polis untuk siasatan lanjut

Jangan...

- Sewa atau serah akaun bank/kad ATM kepada individu tidak dikenali
- Deposit wang sebelum membuat semakan
- Tekan pautan web mencurigakan
- Kongsi butiran perbankan peribadi
- Muat turun aplikasi daripada platform tidak rasmi

Amalkan 3S

Soal, Sekat dan Sebar ...



Soal setiap perkara terutama perkara yang meragukan dan mempunyai tanda-tanda amaran

Sekat diri daripada melakukan langkah seterusnya jika merasa curiga terutamanya jika membabitkan urusan kewangan

Sebar maklumat kepada semua yang anda kenali, termasuk melaporkan kepada pihak berkenaan dan bank jika terdapat transaksi yang mencurigakan





Tak nak terpedaya dengan scammer?

Ikuti Facebook Amaran Scam

Dapatkan maklumat mengenai modus operandi terkini dan tips pencegahan di laman Facebook Amaran Scam

Imbas kod QR! Like dan share

AMARAN SCAM
Soal. Sekat. Sebar.

Lapor Segera



Jika anda menjadi mangsa penipuan kewangan...



Segera hubungi hotline 24 jam bank

atau

NSRC di 997 sekiranya anda...

1. Sedar wang dalam akaun bank telah dipindahkan **tanpa pengetahuan**

   atau

   Terpedaya pindahkan wang

   dan

2. Transaksi berlaku dalam tempoh **24 jam**



Buat laporan polis untuk membolehkan pihak polis memulakan siasatan

Apa itu NSRC?

Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (National Scam Response Centre, NSRC) telah ditubuhkan sebagai pusat operasi untuk menyelaraskan tindak balas pantas terhadap penipuan kewangan dalam talian. Tindak balas ini termasuk pengesanan dana yang dicuri secara lebih cepat dan pengambilan tindakan penguatkuasaan terhadap penjenayah

997
24 jam / setiap hari



	Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (National Anti-Financial Crime Centre, NFCC)
	Polis Diraja Malaysia (PDRM)
BANK NEGARA MALAYSIA CENTRAL BANK OF MALAYSIA	Bank Negara Malaysia (BNM)
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

serta **institusi kewangan** dan **industri telekomunikasi**


AMARAN
SCAM
Soal. Sekat. Sebar.